

TEKS UCAPAN PERASMIAN

**BRIG. JEN. Prof. DATUK SERI PANGLIMA DR. KAMARUZAMAN HJ. AMPON
NAIB CANSELOR Universiti Malaysia Sabah**

MERANGKAP PENAUNG SEMINAR HAK ASASI WANITA 2010

Bissmilahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Selamat Sejahtera, Salam Satu Malaysia, Salam 1 UMS Kampus Ceria.

Yang Berbahagia Prof. Datin Seri Panglima Dr. Ann Anton,

Yang Di Pertua Kelab Suri Rumah dan Staff Wanita UMS (KESUMBA),

Yang Berusaha Ustaz Issraq Hj. Ramli

Ketua Unit Hal Ehwal Islam Universiti Malaysia Sabah

Yang Berusaha Puan Noor Azah Abdul Rahman,

Presiden Persatuan Peguam Wanita Muslim Sabah (SALWA),

Pegawai-Pegawai Utama

Dekan-Dekan, Pengarah-Pengarah dan Ketua-Ketua Jabatan Universiti,

Dif-dif jemputan,

Para peserta Sidang Hak Asasi Wanita 2010,

Tuan-Tuan dan Puan-Puan, para hadirin yang dihormati sekalian.

Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan kesyukuran dan segala puji-pujian bagi Allah S.W.T, kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya maka dapatlah kita bersama-sama pada petang ini sempena Majlis Perasmian Penutupan Seminar Hak Asasi Wanita 2010. Setinggi-tinggi ucapan terima kasih atas ruang dan peluang yang diberikan kepada saya untuk turut sama menjayakan seminar hak asasi wanita yang pertama kalinya diadakan di Universit Malaysia Sabah secara besar-besaran pada tahun ini.

Saya amat berbangga dengan usaha yang dilakukan oleh pihak penganjur kerana berjaya mengetengahkan dan memperjuangkan isu-isu yang berkaitan dengan hak-hak wanita yang kita lihat pada hari ini semakin diperkotak-katik dan dimanipulasikan oleh pelbagai pihak ekoran daripada sikap tidak prihatin, kurang pemahaman dan kurangnya pendedahan serta pengetahuan terhadap perkara ini. Oleh itu saya mengucapkan syabas dan tahniah sekali lagi kepada gabungan penganjur bersama iaitu Kelab Suri Rumah dan Staff Wanita UMS (KESUMBA), Unit Hal Ehwal Islam UMS, dan juga Persatuan Peguam Wanita Muslim Sabah (SALWA), kerana menjadi pelopor penganjuran Seminar Hak Asasi Wanita di UMS pada tahun ini.

Para hadirin sekalian,

Hak-hak wanita yang termaktub dalam undang-undang sivil dan syariah yang ada di negara kita pada hari ini adalah cukup luas dan menyeluruh untuk membela dan menjamin hak-hak wanita. Namun, ramai kaum wanita tidak sedar dan tidak tahu kewujudan hak-hak tersebut. Disebabkan kurangnya pengetahuan ini maka kaum wanita seringkali keliru dan buntu apabila berhadapan dengan masalah dan menyalahkan undang-undang yang tidak dapat membela nasib mereka. Salah satu cara mengatasi masalah tersebut adalah dengan mengadakan seminar seumpama ini agar dapat mencelikkan kaum wanita khususnya dan masyarakat amnya berhubung dengan hak-hak wanita. Seperkara yang menjadi masalah dan merugikan kaum wanita adalah kurangnya pengetahuan berhubung dengan prosedur dan cara-cara untuk memperolehi hak tersebut. Adalah tidak memadai dan menjadi satu perkara yang sia-sia jika kita mengetahui akan hak kita tetapi tidak tahu bagaimanakah caranya dan kepada siapakah kita perlu merujuk untuk mendapatkan hak tersebut.

Saya juga percaya ada dikalangan kita yang tidak tahu bagaimanakah caranya untuk mendapatkan peguam samada melalui firma-firma persendirian ataupun biro bantuan guaman. Jika ke mahkamah pula berbagai-bagi rintangan, kesusahan dan karenah yang dihadapi. Kita seringkali menghadapi kekeliruan dengan prosedur mahkamah, masalah kelambatan dan penangguhan perbicaraan selain daripada masalah dalaman institusi kehakiman itu sendiri yakni berlakunya masalah dalam penguatkuasaan perintah dan sebagainya. Pendek kata-kata masalah-masalah sebegini yang akan membataskan sekaligus mematikan hasrat kita untuk berjuang dalam memperolehi hak yang sepatutnya menjadi milik kita.

Para hadirin sekalian,

Pemahaman masyarakat tentang isu berpoligami juga amat cetek dan terbatas. Poligami seringkali dikaitkan dengan cerita-cerita dan kes-kes yang menindas hak-hak wanita. Poligami menyebabkan lebih ramai wanita menderita daripada bahagia. Poligami lebih menyumbang kepada kes-kes perceraian dan kehancuran sesebuah institusi kekeluargaan. Tetapi pernahkah kita sedar hikmah disebalik poligami tersebut. Islam adalah agama indah dan adil kepada umatnya. Justeru itu, dalam Islam poligami tersebut adalah dibenarkan dan ia merupakan hukum Allah yang mengandungi pelbagai hikmah dan kebaikan jika kita sama-sama menghayati dan mengamalkan tatacara berpoligami yang sebenarnya, dalam keadaan apa dan bagaimana poligami tersebut dibenarkan, dan apa hak-hak wanita yang perlu diperjuangkan dalam poligami ini.

Bak kata kebanyakan orang, poligami ibarat madu yang manis bagi lelaki tetapi hemedu yang pahit bagi wanita. Justeru itu, kaum wanita melihat poligami adalah satu kelebihan kepada kaum lelaki dan ini memprejudiskan hak-hak mereka. Namun Islam telah menggariskan peraturan dan tatacara berpoligami yang sebenar. Sehubungan dengan itu saya menyeru dan menyarankan kepada kaum lelaki dan wanita untuk sama-sama menghayati salah satu daripada ceramah dalam seminar ini yang berkisar tentang hak-hak wanita dan ketelusan berpoligami. Kaum lelaki perlu memahami apa sebenarnya konsep berpoligami dan apa hak-hak wanita yang perlu dipelihara jika ingin berpoligami. Wanita juga harus tahu apa hak-hak yang perlu diperjuangkan dan

disuarakan apabila suami ingin berpoligami. Pendek kata lelaki dan wanita perlu tahu peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam memastikan konsep berpoligami dalam Islam tidak disalah erti dan dapat diamalkan tanpa memprejudiskan mana-mana pihak.

Puan-puan dan tuan-tuan sekalian,

Isu keganasan rumahtangga juga menjadi satu fenomena biasa yang sering berlaku apabila jatuhnya sesebuah institusi kekeluargaan. Kes penderaan dan penganiayaan terhadap wanita dan kanak-kanak merupakan ‘jenayah senyap’ yang semakin menular dalam masyarakat kita. Apa yang menyedihkan apabilanya ianya lambat diketahui sehingga menyebabkan kecederaan teruk dan si mangsa telahpun meninggal dunia. Keganasan rumahtangga ini termasuklah penderaan dari segi fizikal, mental, emosi, seksual dan juga spiritual. Kes penderaan seumpama ini akan menyebabkan mangsa mengalami tekanan dan trauma jangka panjang dan kesan yang mendalam terutamanya kanak-kanak. Daripada sudut psikologinya kemungkinan anak-anak ini akan mengulangi apa yang dilihat dan dilakukan oleh ibubapa mereka dan berpotensi menjadi pendera apabila dewasa kelak.

Selain itu, masalah keganasan rumahtangga ini juga tidak secara langsung akan menyumbang kepada masalah sosial termasuklah masalah remaja lari dari rumah, penyalahgunaan najis dadah, *gangsterism* dan apa yang menyedihkan kes-kes pengguguran dan buang anak yang semakin berleluasa kini. Saban hari kita disajikan dengan berita-berita menyedihkan di dada-dada akhbar berhubung dengan kes pembuangan bayi yang tidak berdosa akibat daripada kekejaman manusia yang tidak mempunyai perasaan belas kasihan. Sehubungan dengan itu, kita perlu membendung kegiatan ini demi menyelamatkan generasi kita pada masa akan datang.

Para hadirin sekalian,

Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat menjayakan

seminar ini khususnya kepada Jawatankuasa Pelaksana Seminar. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih juga kepada para pembentang kertas kerja yang telah meluangkan masa dan tenaga dalam perkongsian ilmiah ini. Kepada semua peserta yang hadir, anda sememangnya amat bertuah kerana berpeluang untuk menimba dan memperoleh ilmu disamping mendapat pengalaman yang bermakna berhubung dengan hak-hak wanita. Harapan saya agar usaha murni penganjuran program seumpama ini akan terus dilaksanakan dari masa ke semasa bagi memberi impak positif kepada masyarakat khususnya kepada golongan kaum wanita.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Majlis Perasmian Penutupan Seminar Hak Asasi Wanita 2010.

Sekian. Terima kasih. Wassalam.